UUM/AA09/um/18.09.2005/p:19 (1)

Karnival Kaki Pancing UUM-Utusan

um 18/9/05 19:1.

SINTOK 17 Sept. – Sebanyak 3,000 kilogram ikan telah dilepaskan di dalam tasik Taman Rekreasi Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk rebutan 1,000 orang pemancing dari seluruh negara pada Karnival Kaki Pancing UUM - Utusan yang akan diadakan pada 24 September ini.

Karnival kali kedua yang diadakan di universiti itu adalah antara beberapa program lain yang disusun bersempena Ekspo Konvokesyen UUM 2005 yang akan diadakan selama enam hari dari 22 hingga 27 September ini.

Menurut Pengarah Hal Ehwal Pelajar UUM, Mohd. Zaini Nasri, buat pertama kalinya dalam sejarah UUM, Ekspo Konvokesyen turut dimeriahkan dengan Karnival Kaki Pancing dan ia juga diadakan serentak dengan hari pertama Konvokesyen.

Beliau berkata, berdasarkan pengalaman tahun lalu, program itu mendapat sambutan ramai sehinggakan peminat Karnival Kaki Pancing Utusan yang bukan berasal dari Kedah juga tidak mahu melepaskan peluang menyertainya.

"Buat masa sekarang, lebih 150 permohonan telah diterima untuk menyertai pertandingan tersebut dan kita jangkakan pernyertaan lebih banyak akan diterima terutama pada hari pertandingan nanti," katanya ketika ditemui selepas pelepasan ikan sempena Karnival Kaki Pancing di Tasik Rekreasi UUM di sini oleh Naib Canselor UUM, Datuk Dr. Nordin Kardi di sini baru-baru ini.

Antara ikan yang telah dilepaskan itu terdiri daripada ikan patin, keli, talapia, rohu serta jelawat.

Mohd. Zaini berkata, untuk karnival itu, sebanyak tiga tan ikan telah diperuntukkan yang mana dua tan lagi akan dilepaskan di tasik berkenaan sehari sebelum pertandingan berlangsung.

Beliau berkata, karnival itu turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik seperti pertandingan mewarna kanak-kanak, pertandingan Futsal *KOSMO!*, persembahan artis, gerai jualan dan cabutan bertuah yang terdiri daripada alatan memancing serta hamper.

"Kita juga menyediakan hadiah menarik dengan juara akan menggondol hadiah wang tunai bernilai RM3,000 bersama beberapa barangan penaja," ujarnya.

Tempat kedua pula akan membawa pulang RM2,000 serta barangan penaja dan tempat ketiga, RM1,000 dan barangan penaja.

Sementara tempat ke-4 hingga 13 akan memperoleh wang tunai RM200, barangan penaja, manakala tempat ke-14 hingga 20 turut diberikan hadiah daripada pihak penaja.

Keterangan lanjut hubungi Pengerusi Karnival Ku Azmi di talian 013-4394154 atau Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM (04-9283117) atau Ibrahim (012-5696382), Tarmizi (012-4022926), dan Zamri (019-5257980), Nasri (012-4170-072).